

**KAMUS
OBJEKTIF KUALITI &
PIAGAM
PELANGGAN
PROGRAM
PERKHIDMATAN
FARMASI
TAHUN 2026**

ISI KANDUNGAN

OBJEKTIF KUALITI.....3

Umum.....4

Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi..... 8

Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi..... 10

Bahagian Regulatori Farmasi Negara.....16

PIAGAM PELANGGAN.....35

Bahagian Amalan & Perkembangan Farmasi..... 36

Bahagian Penguatkuasaan Farmasi..... 38

Bahagian Lembaga Farmasi Malaysia..... 56

Bahagian Regulatori Farmasi Negara.....66

LAMPIRAN.....113

OBJEKTIF

KUALITI

Objektif Kualiti – Umum		1
Indikator	Peratus Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi mencapai keperluan mata CPD minima tahunan yang ditetapkan (Program Perkhidmatan Farmasi KKM)	
Definisi Terma	Mata CPD minima tahunan adalah seperti yang dinyatakan di dalam surat KKM.500-2/13/13 Jld.4 (22).	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi di Program Perkhidmatan Farmasi KKM yang mencapai mata CPD yang ditetapkan	
Denominator	Bilangan Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi di Program Perkhidmatan Farmasi KKM dalam tahun semasa	
Kriteria Inklusi	Semua Pegawai Farmasi dan Penolong Pegawai Farmasi di Program Perkhidmatan Farmasi KKM (Program Perkhidmatan Farmasi IPKKM dan Bahagian Regulatori Farmasi Negara)	
Kriteria Eksklusi	1. Pegawai yang bercuti panjang sama ada cuti tanpa gaji atau cuti separuh gaji atau cuti sakit kritikal selama 6 bulan atau lebih secara berterusan dalam setahun 2. Pegawai Farmasi Lantikan Kontrak. 3. Pegawai berstatus Cuti Belajar. 4. Pegawai dalam tindakan tatatertib. 5. Pegawai lantikan baharu yang melapor diri pada bulan Oktober sehingga Disember pada tahun pelaporan.	
Pelan Tindakan	1. Mengadakan <i>Continuing Medical Education</i> (CME) setiap bulan 2. Mengadakan kursus dan bengkel yang berkaitan 3. Membuat hebahan berkaitan kursus-kursus yang dianjurkan oleh bahagian/fasiliti/ agensi lain 4. Membuat peringatan mesra kepada anggota farmasi untuk sentiasa mengemaskini pengumpulan mata <i>Continuous Professional Development</i> (CPD)	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Peruntukan latihan 4. Pelan Operasi Latihan (POL) 5. Laman web CPD (www.mycpd2.moh.gov.my)	

Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	1. Cawangan Pembangunan Profesion Farmasi 2. Cawangan Pembangunan Profesion Penolong Pegawai Farmasi 3. Seksyen Kompetensi & Kualiti, Pusat Koordinasi dan Perancangan Strategik Regulatori
Kekerapan Penilaian	Sekali setahun
Kaedah Penilaian	1. Data dari www.mycpd2.moh.gov.my 2. Senarai kedudukan perjawatan di Program Perkhidmatan Farmasi KKM bagi tahun semasa

Objektif Kualiti – Umum		2
Indikator	Sebut harga diproses dalam tempoh 45 hari bermula dari tarikh tutup iklan sehingga penyediaan Surat Setuju Terima (SST) bagi Program Perkhidmatan Farmasi KKM *kategori perolehan : Perkhidmatan, Kerja serta Bekalan (Alat Tulis, Kelengkapan/Peralatan Pejabat, Aset Perubatan/Bukan Perubatan, dsb)	
Definisi terma	Sebut harga: Sebut harga adalah kaedah perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dengan had nilai perolehan adalah RM50 ribu hingga RM500 ribu. Penyediaan SST: Surat Setuju Terima (SST) adalah suatu surat rasmi yang memaklumkan penerimaan tanpa bersyarat daripada Kerajaan ke atas tawaran yang dikemukakan oleh syarikat. SST hendaklah dikeluarkan dengan segera kepada pembuat/pembekal/kontraktor yang berjaya setelah menerima keputusan Jawatankuasa Sebut Harga mengikut peraturan yang berkuatkuasa.	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan sebut harga yang telah selesai dilaksanakan dalam tempoh 45 hari bermula dari tarikh tutup iklan sehingga penyediaan SST.	
Denominator	Bilangan sebut harga yang telah selesai bagi tahun semasa	
Kriteria Inklusi	1. Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang telah diluluskan dalam Perancangan Perolehan Tahunan semasa Program Perkhidmatan Farmasi KKM 2. Perolehan dimohon dan dilaksanakan di peringkat Program Perkhidmatan Farmasi melalui Unit Pentadbiran, Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi dan Seksyen Perolehan, Aset dan Stor, NPRA	
Kriteria Eksklusi	1. Perolehan sebut harga yang telah diluluskan dalam Perancangan Perolehan Tahunan pada tahun semasa tetapi dibatalkan oleh pemohon 2. Perolehan yang tidak dilaksanakan oleh Unit Pentadbiran, Bahagian Dasar & Perancangan Strategik Farmasi dan Seksyen Perolehan, Aset dan Stor, NPRA	
Pelan Tindakan	1. Menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan peringkat Program Perkhidmatan Farmasi	

	2. Menyediakan pelantikan Keahlian Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Sistem Elektronik (ePerolehan) Peringkat Program Perkhidmatan Farmasi 3. Memantau pelaksanaan proses perolehan mengikut PPT dan pembentangan status pelaksanaan dalam Mesy JPKA peringkat PPF & NPRA dan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) NPRA 4. Latihan/Kursus berkaitan perolehan kepada jawatankuasa perolehan yang dilantik.
Sumber Yang Diperlukan	1. Peruntukan kewangan yang mencukupi. 2. Sumber manusia yang mencukupi. 3. Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Perbendaharaan Dan Surat-surat Pekeliling dari semasa ke semasa. 4. Peruntukan latihan yang mencukupi untuk menghantar anggota menghadiri kursus berkaitan perolehan. 5. Peralatan ICT yang mencukupi dan efisien bagi penggunaan Sistem ePerolehan
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	1. Sub Unit Perolehan, Unit Pentadbiran 2. Seksyen Perolehan, Aset dan Stor Pusat Pentadbiran
Kekerapan Penilaian	Suku tahunan
Kaedah Penilaian	1. Perancangan Perolehan Tahunan 2. Minit mesy JPKA untuk status perolehan sebut harga dan tender 3. Minit mesy JKSH

Objektif Kualiti – Bahagian Dasar dan Perancangan Strategik Farmasi		1
Indikator	Peratus purata masa hidup sistem dalam talian Program Perkhidmatan Farmasi	
Definisi Terma	Masa hidup (uptime): Jumlah masa sistem tersedia berbanding tempoh keseluruhan masa diukur dalam unit peratus. Sistem dalam talian: Sistem yang menawarkan perkhidmatan oleh Program Perkhidmatan Farmasi sama ada melalui sistem aplikasi, aplikasi web dan portal yang boleh dicapai oleh pengguna sasaran melalui internet. Sistem pemantauan: Sistem aplikasi yang digunakan bagi memantau status dan aktiviti sistem aplikasi, infrastruktur berkaitan dan rangkaian di bawah kendalian Cawangan Teknologi Maklumat & Informatik Farmasi, BDPSF.	
Sasaran	99.5%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Jumlah Purata peratus masa hidup bagi keseluruhan sistem yang dipantau	
Denominator	Jumlah sistem yang dipantau	
Kriteria Inklusi	1. Sistem dalam talian yang beroperasi dan dimiliki oleh Program Perkhidmatan Farmasi. 2. Hanya sistem dalam talian yang berhadapan awam (public facing) dan melibatkan pengguna luar PPF diambil kira dalam skop pemantauan.	
Kriteria Eksklusi	1) Gangguan disebabkan faktor luaran seperti talian internet 2) Masalah di pihak pengguna tanpa mengganggu ketersediaan sistem dalam rangkaian kawasan setempat. 3) Penyelenggaraan yang melibatkan perkara-perkara berikut: a) <i>Downtime</i> yang dirancang untuk tujuan penyelenggaraan secara berkala. b) <i>Downtime</i> disebabkan oleh tindakan mitigasi keselamatan yang disengajakan (contoh: penutupan sistem bagi mengawal serangan siber). c) <i>Downtime</i> yang hanya berpunca daripada kegagalan sistem pemantauan tanpa menjejaskan sistem aplikasi sebenar	

	4) Gangguan sistem yang disebabkan oleh kegagalan atau ketidakoperasian pusat data (seperti PDSA, bilik server PPF, atau perkhidmatan awan) yang mengehosi sistem. 5) Tempoh gangguan yang tidak dapat dibuktikan melalui rekod sistem pemantauan atau log sokongan rasmi.
Pelan Tindakan	1. Memperbaharui langganan perisian UptimeRobot dan lesen sistem pemantauan rangkaian (<i>PRTG Network Monitoring System</i>). 2. Melaksanakan penyelenggaraan (pencegahan dan pembaikan) secara berkala. 3. Menaik taraf <i>core switch</i> dan rangkaian sekiranya perlu.
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Peralatan Rangkaian dan Bilik Server 3. Peruntukan Belanja Mengurus/ Harta Modal yang Mencukupi 4. Perisian/ Lesen 5. <i>Wide Area Network</i> (WAN) 6. <i>Local Area Network</i> (LAN)
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Infrastruktur ICT, Cawangan Teknologi Maklumat & Informatik Farmasi
Kekerapan Penilaian	Setiap bulan
Kaedah Penilaian	1. Laporan pemantauan melalui UptimeRobot. 2. Laporan sistem pemantauan rangkaian PRTG.

Objektif Kualiti – Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi		1
Indikator	Penilaian Teknikal produk yang ditender akan diproses dalam tempoh 18 hari bekerja selepas menerima sampel produk dan dokumen yang lengkap.	
Definisi Terma	Penilaian teknikal: Penilaian teknikal adalah penilaian yang dilakukan berasaskan kepada spesifikasi perolehan dalam dokumen tender. Penilaian dibuat berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan, pernyataan pematuhan dan penilaian fizikal terhadap sampel produk yang dikemukakan oleh pihak syarikat/ petender. Tempoh 18 hari bekerja: Tempoh bermula selepas sampel produk tender dan dokumen yang lengkap diterima daripada Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM, dan tamat apabila Jawatankuasa Penilaian Teknikal memperakukan penilaian.	
Sasaran	85%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan item yang dinilai dalam tempoh 18 hari bekerja	
Denominator	Bilangan item yang diterima untuk penilaian	
Kriteria Inklusi	Sampel produk dan dokumen yang lengkap diterima daripada Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM bagi perolehan secara tender pusat.	
Kriteria Eksklusi	Tawaran tender dan sampel produk yang diterima daripada Bahagian Perolehan dan Penswastaan KKM bagi perolehan secara konsesi.	
Pelan Tindakan	1. Menyediakan pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal 2. Merancang dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Teknikal (JKPT) selepas menerima sampel produk dan dokumen yang lengkap daripada Bahagian Perolehan dan Penswastaan, KKM. 3. Mendapatkan maklum balas berkaitan Aduan Produk, Aduan Kesan Advers (ADR) dan Status Kajian <i>Bioekuivalens</i> (BE) untuk produk-produk yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat JKPT dengan pihak NPRA.	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Sistem ePerolehan (dokumen tender) 4. Sampel produk 5. Kriteria penilaian (spesifikasi) 6. Pekeliling Perbendaharaan (1PP) 7. Sistem QUEST3+	

	8. Maklumat tambahan dari NPRA [Contoh: Aduan Produk, ADR dan Status Kajian <i>Bioekuivalens</i> (BE)]
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Perancangan Kontrak Ubat, Cawangan Pengurusan Farmasi Logistik
Kekerapan Penilaian	Setiap 3 bulan
Kaedah Penilaian	Daftar <i>Central Contract Status</i> Daftar Sampel Tender

Objektif Kualiti – Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi		2
Indikator	Penilaian Kewangan ubat-ubatan yang ditender akan diproses dalam tempoh 10 hari bekerja selepas diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal Ubat-ubatan.	
Definisi Terma	Penilaian Kewangan: Penilaian faktor-faktor yang ditetapkan seperti harga ubat, kemampuan kewangan petender dan pengalaman petender mengikut skema markah lulus yang ditetapkan dan pekeliling perolehan yang berkaitan. Tempoh 10 hari bekerja: Tempoh bermula selepas item diluluskan dan diterima daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal Ubat-ubatan, dan tamat apabila Jawatankuasa Penilaian Kewangan memperakukan penilaian.	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan item ubat yang diterima dan dinilai dalam tempoh 10 hari bekerja	
Denominator	Bilangan item yang diterima untuk penilaian kewangan	
Kriteria Inklusi	Semua ubat yang diluluskan oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal bagi perolehan secara tender pusat KKM	
Kriteria Eksklusi	Semua ubat yang terlibat bagi perolehan secara konsesi KKM dan perolehan darurat	
Pelan Tindakan	1. Pelantikan ahli Jawatankuasa Penilaian Kewangan Ubat-ubatan. 2. Merancang dan melaksanakan Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Kewangan Ubat-ubatan selepas menerima senarai ubat daripada Jawatankuasa Penilaian Teknikal Ubat-ubatan. 3. Membuat semakan dan perbandingan harga pasaran semasa.	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Sistem ePerolehan (dokumen tender) 4. Langganan pangkalan data Harga Rujukan Antarabangsa 5. Sistem QUEST3+ 6. Sistem MyPharma-C (Modul Harga Ubat) 7. Pekeliling Perbendaharaan (1PP) 8. Sistem PhIS 9. Sistem IQVIA	
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Pangkalan Dan Polisi Harga Ubat, Cawangan Pengurusan Harga Ubat	

Kekerapan Penilaian	Setiap 3 bulan
Kaedah Penilaian	Daftar Penilaian Kewangan

Objektif Kualiti – Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi		3
Indikator	Peratus fasiliti farmasi yang mendapat tahap pematuhan baik melalui Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF).	
Definisi Terma	Audit Dalam Amalan Farmasi (ADAF): Pemeriksaan berstruktur yang dilakukan ke atas prosedur, garis panduan dan peraturan yang sedang berkuat kuasa serta amalan di semua unit farmasi fasiliti kesihatan Kementerian Kesihatan Malaysia. Pelaksanaan ADAF ADAF adalah audit rutin yang perlu dijalankan ke atas semua fasiliti farmasi yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan dan dilaksanakan satu (1) kali dalam tempoh dua (2) tahun. Nota: Audit sendiri ADAF disarankan untuk dilaksanakan di fasiliti yang tidak melaksanakan audit rutin. Tahap Pematuhan Baik: 85% - 100%	
Sasaran	85%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan fasiliti farmasi yang mendapat tahap pematuhan baik	
Denominator	Jumlah keseluruhan fasiliti farmasi yang memenuhi kriteria audit berdasarkan sasaran yang telah ditetapkan oleh pihak negeri/institusi.	
Kriteria Inklusi	1. Semua fasiliti kesihatan KKM termasuk Pejabat Kesihatan Daerah (PKD), Pejabat Kesihatan Kawasan (PKK), Cawangan Logistik Farmasi Negeri (CLFN), Pejabat Farmasi Bahagian (PFB) yang mempunyai sekurang-kurangnya seorang pegawai farmasi (termasuk pegawai farmasi kontrak) dan/atau penolong pegawai farmasi. 2. Semua audit yang dijalankan oleh BPF Negeri dan Jawatankuasa ADAF Pusat.	
Kriteria Eksklusi	1. Fasiliti baharu / fasiliti dinaik taraf yang belum mencapai tempoh dua (2) tahun operasi. Contoh: naik taraf Klinik Desa ke Klinik Kesihatan jenis 7. 2. Fasiliti yang mendapat kelulusan penangguhan daripada Program Perkhidmatan Farmasi. Contoh: kerja-kerja naik taraf klinik kesihatan dan lain-lain.	

	3. Fasiliti yang tidak menempatkan pegawai farmasi (termasuk pegawai farmasi kontrak) dan/atau penolong pegawai farmasi secara sepenuh masa.
Pelan Tindakan	1. Pelantikan auditor bagi pelaksanaan ADAF. 2. Merancang dan melaksanakan ADAF mengikut jadual yang ditetapkan. 3. Perbincangan dan pembentangan pencapaian, dapatan audit dan isu semasa dalam Mesyuarat JK ADAF Pusat dan Mesyuarat JK ADAF Teknikal.
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Panduan Audit Dalam Amalan Farmasi Edisi 2025 4. Manual KPI 5. Senarai semak ADAF 6. Perancangan audit Negeri/Institusi & Jawatankuasa ADAF Pusat 7. Minit Mesyuarat Jawatankuasa ADAF Pusat & Jawatankuasa ADAF Teknikal 8. Peruntukan dari Belanja Mengurus bagi urusan pengauditan oleh pihak auditor
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Koordinasi Amalan & Perkembangan Farmasi
Kekerapan Penilaian	Tahunan
Kaedah Penilaian	Borang AP7- Maklum balas Pencapaian ADAF Negeri

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		1
Indikator (QP-01)	Peratus permohonan produk yang dinilai semasa proses pra-penilaian (<i>screening</i>) dalam tempoh masa 30 hari bekerja bagi semua kategori produk.	
Definisi Terma	<u>Produk:</u> Produk Ubat Baru, produk Biologik, produk Ubat Generik (Racun Berjadual dan Bukan Racun Berjadual), produk Semulajadi, produk Suplemen Kesihatan dan produk Ubat Veterinar <u>Produk Yang Siap Disaring:</u> Produk yang telah selesai pra-penilaian. <u>Tempoh Masa Ditetapkan:</u> Semua kategori produk: 30 hari bekerja Tempoh masa pra-penilaian bermula apabila permohonan pendaftaran produk diterima dalam sistem QUEST3+ sehingga keputusan pra-penilaian dibuat oleh pegawai penilai.	
Sasaran	95%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan permohonan pra-penilaian produk yang siap disaring dalam tempoh masa yang ditetapkan	
Denominator	Bilangan permohonan pra-penilaian produk yang siap disaring sepanjang tahun	
Kriteria Inklusi	Produk yang diterima dalam sistem QUEST3+ mengikut kategori produk.	
Kriteria Eksklusi	Produk yang gagal diterima dalam sistem QUEST3+.	
Pelan Tindakan	Pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Sistem QUEST3+ 4. Dokumen sokongan seperti <i>Drug Registration Guidance Document</i> (DRGD), <i>Registration Guideline of Veterinary Products</i> (REGOVP) dan lain-lain yang berkaitan.	
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Generik / Seksyen Ubat Baru / Seksyen Biologik / Seksyen Ubat Komplementari dan Alternatif (SUKA) / Seksyen Veterinar / Pusat Penilaian Produk & Kosmetik	

Kekerapan Penilaian	Setiap bulan
Kaedah Penilaian	$(\text{Numerator/Denominator}) \times 100\%$

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		2
Indikator (QK-01)	Pengendalian aduan produk berdaftar dan kosmetik bernetifikasi: Aduan diterima diambil tindakan dalam masa 14 hari.	
Definisi Terma	Aduan Pelaporan ke atas produk berdaftar dan kosmetik bernetifikasi yang diterima/ bersumber daripada pihak ketiga. Produk Berdaftar Produk-produk yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD) Kosmetik Bernetifikasi Produk-produk kosmetik yang bernetifikasi dengan NPRA Diterima dan Diambil Tindakan dalam Masa 14 hari Masa untuk proses penilaian risiko aduan dan tindakan yang akan diambil tidak melebihi tempoh 14 hari dari tarikh aduan diterima. Penilaian risiko yang dijalankan akan menentukan tindakan susulan yang perlu diambil bagi setiap aduan yang diterima. Tarikh Penerimaan Aduan Tarikh aduan diterima oleh Unit Pelaporan Produk dan Kosmetik, Seksyen Surveilans dan Aduan (SVA), PKKK Pengiraan hari pertama bagi tempoh 14 hari bermula sehari selepas tarikh aduan diterima. Tindakan susulan yang akan diambil termasuk: 1. Mengeluarkan notifikasi kepada pengadu 2. Mendapatkan maklumat berkaitan sejarah aduan dan Aktiviti Post Marketing Surveilans (PMS) 3. Mendapatkan maklumat lanjut berkaitan produk daripada seksyen/pusat lain yang berkaitan 4. Mendapatkan maklumat berkaitan kesan advers produk daripada Seksyen Farmakovigilans (SFV) 5. Mendapatkan status pendaftaran produk melalui Seksyen Koordinasi dan Perancangan Strategik (SKPRK) 6. Mendapatkan sampel daripada pengadu dan/atau pasaran dan/atau Pemegang Pendaftaran Produk (PRH) untuk ujian makmal	

	7. Memanjangkan aduan kepada Bahagian Penguatkuasaan Farmasi (BPF) 8. Mengadakan perbincangan lanjut bersama PRH berkaitan aduan yang diterima (jika perlu)
Sasaran	100%
Kaedah Pengukuran	
Numerator	Bilangan aduan yang diterima diambil tindakan dalam masa 14 hari
Denominator	Bilangan aduan yang diterima dan diambil tindakan
Kriteria Inklusi	Aduan melibatkan pelaporan kualiti produk berdaftar dengan PBKD dan produk kosmetik bernetifikasi sahaja.
Kriteria Eksklusi	1. Aduan dengan maklumat tidak lengkap (tiada maklumat pengadu/ produk/ tiada borang aduan) 2. Produk tidak berdaftar dengan PBKD dan produk kosmetik tidak bernetifikasi. 3. Aduan yang melibatkan isu kaedah pembekalan. 4. Aduan melibatkan penggunaan/ penyimpanan selain daripada yang diluluskan. 5. Aduan yang melibatkan produk kosmetik tiruan, isu <i>parallel import</i> dan iklan produk kosmetik
Pelan Tindakan	Semakan dan pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab
Sumber Yang Diperlukan	1. Laporan Statistik Bulanan NPRA 2. Laporan Statistik Bulanan Seksyen Surveilans dan Aduan (PKKK) 3. Borang Pelaporan Kualiti Produk Berdaftar (NPRA/432/2) 4. Borang Aduan Produk Kosmetik Bernetifikasi (NPRA/435/5)
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Surveilans dan Aduan/ Pusat Komplians dan Kawalan Kualiti (PKKK)
Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan
Kaedah Penilaian	$(\text{Numerator/Denominator}) \times 100\%$

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		3
Indikator (QK-02)	Peratus alat dikalibrasi dan diselenggara mengikut jadual tahunan yang ditetapkan.	
Definisi Terma	1. Alat: Semua peralatan di bawah jagaan makmal yang dijadualkan untuk kalibrasi dan penyelenggaraan 2. Kalibrasi: Aktiviti yang dijalankan oleh makmal kalibrasi yang mempunyai akreditasi MS ISO/IEC 17025 ke atas skop kalibrasi yang berkaitan. 3. Penyelenggaraan: Aktiviti yang dijalankan oleh syarikat pengeluar peralatan makmal atau syarikat yang mempunyai kelayakan menjalankan aktiviti ini.	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan peralatan makmal telah dikalibrasi dan diselenggara mengikut jadual (a)	
Denominator	Bilangan peralatan makmal yang perlu dikalibrasi dan diselenggara mengikut jadual (b)	
Kriteria Inklusi	Peralatan makmal yang telah dijadualkan untuk kalibrasi dan penyelenggaraan di Seksyen Pengujian Produk & Kosmetik (SPPK) dan Seksyen Perkhidmatan & Bekalan (SPB), Pusat Komplians & Kawalan Kualiti (PKKK).	
Kriteria Eksklusi	Peralatan makmal mengalami kerosakan Ketiadaan jurutera atau kakitangan yang menjalankan kalibrasi / penyelenggaraan atas sebab yang munasabah [cuti sakit, cuti kecemasan, Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)]	
Pelan Tindakan	Semakan dan pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab	
Sumber Yang Diperlukan	Laporan Bulanan Seksyen Perkhidmatan & Bekalan (SPB) & Seksyen Pengujian Produk & Kosmetik (SPPK)	
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Perkhidmatan & Bekalan dan Seksyen Pengujian Produk & Kosmetik, PKKK	
Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan	
Kaedah Penilaian	a/b x 100%	

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		4
Indikator (QK03)	Peratus arahan panggil balik dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan. <i>Tempoh yang ditetapkan: tidak melebihi satu (1) hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kualiti dan Keselamatan Produk & Kosmetik (JTKKPK).</i>	
Definisi Terma	<u>Arahan Panggil Balik:</u> Panggil Balik Tahap I: Produk dengan risiko kesihatan yang major yang mungkin menyebabkan kecederaan serius atau kematian. Produk perlu berada dalam sekatan (embargo) dalam masa 24 jam. Panggil Balik Tahap II: Produk dengan risiko kesihatan yang minor atau tidak menepati standard tertentu (substandard). Produk perlu berada dalam sekatan (embargo) dalam masa 72 jam. <u>Produk Berdaftar:</u> Produk-produk yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). <u>Kosmetik Bernotifikasi:</u> Produk-produk kosmetik yang bernotifikasi dengan NPRA <u>Tempoh yang ditetapkan (Arahan Panggil Balik Tahap I dan II):</u> Arahan panggil balik dikeluarkan dalam tempoh satu (1) hari bekerja selepas keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kualiti dan Keselamatan Produk & Kosmetik (JTKKPK).	
Sasaran	85%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan Arahan Panggil Balik dikeluarkan dalam tempoh yang ditetapkan	
Denominator	Bilangan Arahan Panggil Balik dikeluarkan	
Kriteria Inklusi	Arahan Panggil Balik untuk isu kualiti (gagal ujian makmal NPRA dan gagal mematuhi keperluan pelabelan) bagi produk berdaftar dan kosmetik bernotifikasi	
Kriteria Eksklusi	Arahan Panggil Balik Tahap III (Pemantauan dalaman)	

Pelan Tindakan	Semakan dan pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab
Sumber Yang Diperlukan	1. Laporan Statistik Bulanan NPRA 2. Laporan Statistik Bulanan Seksyen Surveilans dan Aduan (PKKK) 3. Surat Arahan Panggil Balik yang dikeluarkan 4. Sijil Analisa Pengujian Sampel 5. Gambar Produk 6. Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Kualiti dan Keselamatan Produk & Kosmetik (JTKKPK)
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Surveilans dan Aduan/ Pusat Komplians dan Kawalan Kualiti (PKKK)
Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan
Kaedah Penilaian	$(\text{Numerator/Denominator}) \times 100\%$

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		5
Indikator (QK04)	Semua sampel aduan akan selesai dianalisis dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh diterima.	
Definisi Terma	1. Produk Berdaftar: Produk-produk yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (PBKD). 2.Kosmetik Bernotifikasi: Produk-produk kosmetik yang bernotifikasi dengan NPRA. 3. Sampel Aduan: Produk yang disyaki tidak memenuhi tahap kualiti, atau keselamatan yang telah ditetapkan.	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan sampel aduan yang selesai dianalisis dalam tempoh 30 hari bekerja dari tarikh diterima (a)	
Denominator	Jumlah sampel aduan yang selesai dianalisis (b)	
Kriteria Inklusi	Sampel yang diterima daripada Seksyen Surveilans & Aduan dan Seksyen Farmakovigilans, Pusat Komplians & Kawalan Kualiti (PKKK) serta Cawangan Penguatkuasaan Farmasi.	
Kriteria Eksklusi	1. Kuantiti sampel yang tidak mencukupi untuk menjalankan ujian 2. Sampel tiada piawai rujukan / bahan kimia / alat bersesuaian untuk untuk menjalankan ujian. 3. Alat rosak menyebabkan ujian tidak dapat dijalankan 4. Sampel yang gagal kali pertama dan memerlukan ujian tambahan untuk pengesahan keputusan. 5. Tatacara analisis yang tidak boleh digunakan (method not workable) 6. Produk yang memerlukan penilaian dokumen saintifik 7. Masalah sistem QUEST yang menyebabkan proses kerja terganggu.	
Pelan Tindakan	Semakan dan pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab	
Sumber Yang Diperlukan	Laporan Bulanan Seksyen Perkhidmatan & Bekalan (SPB) & Seksyen Pengujian Produk & Kosmetik (SPPK)	
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Perkhidmatan & Bekalan dan Seksyen Pengujian Produk & Kosmetik, PKKK	

Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan
Kaedah Penilaian	$a/b \times 100\%$

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		6
Indikator (QK05)	Bilangan permohonan penilaian pelan susun atur premis pengilang yang lengkap, <u>selesai dinilai</u> dalam tempoh 20 hari bekerja.	
Definisi Terma	<u>Permohonan lengkap</u> bermaksud maklumat pada borang permohonan lengkap diisi, fi pemprosesan dijelaskan dan lampiran-lampiran yang perlu disertakan bersama borang permohonan lengkap. <u>Selesai dinilai</u> bermaksud tempoh daripada permohonan lengkap diterima sehingga tarikh surat kelulusan / penolakan dikeluarkan.	
Sasaran	90%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan permohonan penilaian pelan susun atur premis pengilang yang lengkap, selesai dinilai dalam masa 20 hari bekerja	
Denominator	Bilangan keputusan permohonan penilaian pelan susun atur premis pengilang yang telah dikeluarkan	
Kriteria Inklusi	Permohonan pelan susun atur lengkap yang diterima.	
Kriteria Eksklusi	1. Permohonan yang ditarik balik semasa proses penilaian. 2. Tempoh masa untuk pemohon memberikan maklumbalas.	
Pelan Tindakan	Pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab untuk pelan susun atur yang dinilai.	
Sumber Yang Diperlukan	Kakitangan dan kemudahan ICT	
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Amalan Perkilangan Baik	
Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan	
Kaedah Penilaian	Pangkalan data pelan susun atur	

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		7
Indikator (QK06)	Peratus laporan tindakan pembetulan dan pencegahan (CAPA) bagi pemeriksaan GCP/GLP/BE/EC dinilai dalam masa 30 hari bekerja. <i>Nota: GCP: Good Clinical Practice; GLP: Good Laboratory Practice; BE: Bioequivalence; EC: Ethics Committee.</i>	
Definisi Terma	CAPA: Tindakan pembetulan dan pencegahan Pemeriksaan GCP: Pemeriksaan Good Clinical Practice meliputi tapak kajian klinikal, sponsor, pusat kajian BE, jawatankuasa etika dan fasiliti Fasa 1 Pemeriksaan GLP: Pemeriksaan Good Laboratory Practice	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan laporan CAPA yang dinilai dalam masa 30 hari bekerja	
Denominator	Bilangan laporan CAPA yang diterima	
Kriteria Inklusi	1. Pemeriksaan tapak kajian klinikal 2. Pemeriksaan sponsor 3. Pemeriksaan pusat kajian BE 4. Pemeriksaan jawatankuasa etika 5. Pemeriksaan fasiliti fasa 1 6. Pemeriksaan GLP	
Kriteria Eksklusi	Selain pemeriksaan yang dinyatakan di atas.	
Pelan Tindakan	Pemantauan oleh pegawai penyelaras dan ketua inspektor bagi setiap pemeriksaan.	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Kemudahan ICT	
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Pusat Kajian BE & Jawatankuasa Etika	
Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan	
Kaedah Penilaian	1. Daftar pemeriksaan (google sheet) 2. Daftar statistik bulanan	

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		8
Indikator (QK07)	Peratus Sijil Lot Release vaksin dan produk plasma dikeluarkan dalam masa 6 hari bekerja selepas produk tiba di gudang produk.	
Definisi Terma	Lot Release: Keperluan yang dilaksanakan oleh badan regulatori negara ke atas setiap kelompok produk biologik berdaftar yang tertakluk kepada keperluan Lot Release, sebelum ia digunakan di pasaran	
Sasaran	95%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan Sijil Lot Release vaksin dan produk plasma dikeluarkan dalam masa 6 hari bekerja selepas produk tiba di gudang produk (a)	
Denominator	Bilangan Sijil Lot Release vaksin dan produk plasma dikeluarkan (b)	
Kriteria Inklusi	Pemantauan Objektif Kualiti ini hanyalah melibatkan vaksin dan produk plasma berdaftar yang diimport sahaja.	
Kriteria Eksklusi	1. Permohonan Lot Release yang lengkap diterima kurang dari 14 hari bekerja sebelum vaksin dan produk plasma tiba di gudang. 2. Penilaian Lot Summary Protocol tidak memuaskan dan memerlukan maklum balas tambahan dari pengilang. 3. Pemeriksaan rangkaian sejuk tidak memuaskan dan memerlukan maklum balas tambahan dari pengilang. 4. Sampel untuk pengujian tidak dihantar ke makmal NPRA dalam masa 1 hari bekerja (lokasi gudang di Lembah Klang) atau 2 hari bekerja (lokasi gudang di luar Lembah Klang) selepas pemeriksaan rangkaian sejuk diadakan di gudang. 5. Bayaran yuran Lot Release belum dijelaskan sebelum sijil Lot Release dikeluarkan. 6. Pengujian/semakan label memerlukan maklum balas tambahan dari pihak PRH. 7. Sistem Quest tergendala yang menyebabkan sampel ujian tidak dapat diagihkan untuk proses seterusnya. 8. Dokumen berkaitan pemeriksaan rangkaian sejuk atau pengujian sampel yang lengkap tidak dikemukakan oleh syarikat pemegang produk dalam masa 5 hari bekerja selepas produk tiba di gudang.	
Pelan Tindakan	Semakan dan pemantauan oleh pegawai bertanggungjawab	

Sumber Yang Diperlukan	Laporan Bulanan Seksyen Perkhidmatan & Bekalan (SPB) & Seksyen Pengujian Produk & Kosmetik (SPPK)
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Perkhidmatan & Bekalan dan Seksyen Pengujian Produk & Kosmetik, PKKK
Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan
Kaedah Penilaian	$a/b \times 100\%$

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		9
Indikator (QK08)	Peratus laporan <i>Adverse Drug Reaction</i> (ADR) dan <i>Adverse Event Following Immunisation</i> (AEFI) yang mencapai <i>vigiGrade Completeness Score</i> melebihi 0.5.	
Definisi Terma	● Adverse Drug Reaction – “A response to a drug which is noxious and unintended, and which occurs at doses normally used in man for the prophylaxis, diagnosis, or therapy of disease, or for the modification of physiological function” (WHO). ● Adverse Event Following Immunization - Any untoward medical occurrence which follows immunisation and which does not necessarily have a causal relationship with the usage of the vaccine. The adverse event may be any unfavourable or unintended sign, abnormal laboratory findings, symptom or disease. ● VigiGrade Completeness Score: 1. Kaedah penentuan <i>Completeness Score</i> ini menggunakan <i>algorithm</i> untuk menilai maklumat klinikal yang relevan dalam setiap laporan ADR atau AEFI dan menghasilkan skor yang mencerminkan kualiti maklumat tersebut. Skor ini berada dalam julat 0.07 (maklumat klinikal tidak mencukupi) hingga 1 (maklumat klinikal lengkap dan relevan). 2. Skor dijana secara automatik menggunakan <i>algorithm</i> yang mengambil kira 10 dimensi yang telah ditetapkan, iaitu <i>time-to-onset</i>, <i>indication</i>, <i>outcome</i>, <i>sex</i>, <i>age</i>, <i>dose</i>, <i>country</i>, <i>primary reporter</i>, <i>report type</i> dan ulasan (<i>comment</i>). 3. Skor maksimum bagi setiap laporan ialah 1. Penalti pengurangan skor akan dikenakan sekiranya maklumat klinikal yang relevan tidak didokumenkan dengan tepat berdasarkan dimensi yang dinyatakan di atas.	
Sasaran	85%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan laporan <i>Adverse Drug Reaction</i> (ADR) dan <i>Adverse Event Following Immunization</i> (AEFI) dihantar ke WHO yang mencapai <i>vigiGrade Completeness Score</i> melebihi 0.5	

Denominator	Bilangan laporan <i>Adverse Drug Reaction</i> (ADR) dan <i>Adverse Event Following Immunization</i> (AEFI) dihantar ke WHO yang telah dinilai menggunakan <i>algorithm vigiGrade Completeness Score</i>. Kaedah Pengiraan: Peratus laporan ADR/AEFI yang mencapai <i>vigiGrade Completeness Score</i> melebihi 0.5 berdasarkan <i>algorithm</i> yang mengambilkira dimensi yang telah ditetapkan (<i>Numerator</i>) berbanding jumlah laporan yang dihantar ke WHO (<i>Denominator</i>).
Kriteria Inklusi	Laporan ADR/AEFI yang dihantar ke WHO dan dinilai menggunakan <i>algorithm vigiGrade Completeness Score</i>
Kriteria Eksklusi	Laporan ADR yang tidak memenuhi kriteria untuk dihantar ke WHO seperti laporan ADR produk tradisional dan suplemen kesihatan yang tidak berdaftar.
Pelan Tindakan	1. Melaksanakan pemantauan berterusan ke atas laporan yang diterima bagi memastikan maklumat lengkap diperolehi untuk proses selanjutnya. 2. Mengadakan latihan dan kursus yang berkaitan pelaporan ADR/AEFI yang berkualiti kepada ahli profesional kesihatan awam dan swasta serta pihak industri.
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Sistem QUEST 3+ 4. Sistem PhIS
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Farmakovigilans, Pusat Komplians dan Kawalan Kualiti (PKKK), NPRA
Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan
Kaedah Penilaian	1. Laporan Statistik NPRA 2. Laporan OBB NPRA

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		10
Indikator (QR-01)	Peratus purata masa hidup sistem di Bahagian Regulatori Farmasi Negara	
Definisi Terma	QUEST - Quality, Efficacy, Safety Masa hidup (<i>uptime</i>): Jumlah masa sistem tersedia berbanding tempoh keseluruhan masa diukur dalam unit peratus. Sistem dalam talian: Sistem yang menawarkan perkhidmatan oleh NPRA sama ada melalui sistem aplikasi, aplikasi web dan portal yang boleh dicapai oleh pengguna sasaran melalui internet. Sistem pemantauan: Sistem aplikasi yang digunakan bagi memantau status dan aktiviti sistem aplikasi, infrastruktur berkaitan dan rangkaian di bawah kendalian Seksyen ICT di bawah Pusat Koordinasi Perancangan Strategik Regulatori NPRA.	
Sasaran	99.5%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Jumlah purata peratus masa hidup bagi keseluruhan sistem yang dipantau	
Denominator	Jumlah sistem yang dipantau	
Kriteria Inklusi	1. Sistem QUEST merangkumi akses: i. QUEST front end PRH / industri ii. QUEST front end pegawai NPRA iii. QUEST PKI 2. Portal NPRA	
Kriteria Eksklusi	1. Aplikasi Mudah Alih “NPRA Product Status” 2. Sistem / Portal / Aplikasi yang tidak / berhenti beroperasi atau belum <i>go-live</i>. 3. Penyelenggaraan berjadual: a. <i>Downtime</i> yang dirancang untuk penyelenggaraan secara berkala. b. <i>Downtime</i> disebabkan tindakan mitigasi keselamatan yang disengajakan (contoh: penutupan sistem bagi mengawal serangan siber). c. <i>Downtime</i> yang hanya berpunca daripada kegagalan sistem pemantauan tanpa menjejaskan sistem aplikasi sebenar	

	4. Masalah di pihak pengguna tanpa mengganggu ketersediaan sistem dalam rangkaian kawasan setempat. 5. Tempoh gangguan yang tidak dapat dibuktikan melalui rekod sistem pemantauan atau log sokongan rasmi.
Pelan Tindakan	1. Melaksanakan pemantauan berterusan pada sistem terlibat menggunakan <i>Uptime Robot</i> 2. Melaksanakan penyelenggaraan (pencegahan dan pembaikan) secara berkala. 3. Menaik taraf <i>core switch</i>, rangkaian dan storan. 4. Mewujudkan penyelesaian sandaran sistem dan data (<i>system & data backup solution</i>). 5. Merangka pembangunan sistem baru QUEST 5 ke pengkomputeran awan.
Sumber Yang Diperlukan	Mod premium aplikasi berbayar <i>Uptime Robot</i> mempunyai fungsi yang lebih spesifik tertakluk kepada peruntukan jabatan dan kelulusan teknikal ICT serta sehaluan dengan garis panduan Sistem Pemantauan Laman Sesawang dan Aplikasi Sistem Kerajaan (SPLASK)
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen ICT, Pusat Koordinasi & Perancangan Strategik Regulatori (PKPSR), Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA)
Kekerapan Penilaian	Setiap bulan
Kaedah Penilaian	Penggunaan aplikasi <i>Uptime Robot</i> Penggunaan aplikasi <i>Uptime Kuma</i>

Objektif Kualiti – Bahagian Regulatori Farmasi Negara		11
Indikator (QT-01)	Sebutharga diproses bermula dari tarikh tutup iklan sehingga SST dikeluarkan: a. dalam masa 90 hari bagi kategori perolehan : Bekalan Bahan Kimia (Reagen, Reference Standard), Consumables, Alat Ganti Peralatan Makmal dan Perkhidmatan Kalibrasi Peralatan Makmal	
Definisi Terma	Sebut harga: Sebut harga adalah kaedah perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja dengan had nilai perolehan adalah RM50 ribu hingga RM500 ribu. Penyediaan SST: Surat Setuju Terima (SST) adalah suatu surat rasmi yang memaklumkan penerimaan tanpa bersyarat daripada Kerajaan ke atas tawaran yang dikemukakan oleh syarikat. SST hendaklah dikeluarkan dengan segera kepada pembuat/pembekal/kontraktor yang berjaya setelah menerima keputusan Jawatankuasa Sebut Harga mengikut peraturan yang berkuatkuasa.	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	a. Bilangan sebut harga yang telah selesai dilaksanakan dalam tempoh 90 hari bermula dari tarikh tutup iklan sehingga penyediaan SST. (Bekalan Bahan Kimia (Reagen, Reference Standard), Consumables, Alat Ganti Peralatan Makmal dan Perkhidmatan Kalibrasi Peralatan Makmal)	
Denominator	Bilangan sebut harga yang telah selesai bagi tahun semasa	
Kriteria Inklusi	1. Perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja yang telah diluluskan dalam Perancangan Perolehan Tahunan semasa Bahagian Regulatori Farmasi Negara 2. Perolehan dilaksanakan oleh Seksyen Perolehan, Aset dan Stor, NPRA	

Kriteria Eksklusi	1. Perolehan sebut harga yang telah diluluskan dalam Perancangan Perolehan Tahunan pada tahun semasa tetapi digugurkan 2. Perolehan secara tender
Pelan Tindakan	1. Menyediakan Perancangan Perolehan Tahunan 2. Menyediakan pelantikan Keahlian Jawatankuasa Perolehan Kerajaan Sistem Elektronik (ePerolehan) 3. Memantau pelaksanaan proses perolehan mengikut PPT dan pembentangan status pelaksanaan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga (JKSH) dan JPKA NPRA 4. Latihan/kursus pengurusan perolehan kerajaan kepada jawatankuasa yang dilantik.
Sumber Yang Diperlukan	1. Peruntukan kewangan yang mencukupi. 2. Sumber manusia yang mencukupi. 3. Pekeliling Perbendaharaan, Arahan Perbendaharaan Dan Surat-surat Pekeliling dari semasa ke semasa. 4. Peruntukan latihan yang mencukupi untuk menghantar anggota menghadiri kursus berkaitan perolehan. 5. Peralatan ICT yang mencukupi dan efisien bagi penggunaan Sistem ePerolehan
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Perolehan, Aset dan Stor Pusat Pentadbiran
Kekerapan Penilaian	Setiap 6 bulan
Kaedah Penilaian	1. Perancangan Perolehan Tahunan 2. Minit mesy JKSH atau JPKA untuk status perolehan sebut harga dan tender

PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan - Bahagian Amalan dan Perkembangan Farmasi		1
Indikator	Keputusan penyenaraian ubat ke dalam Formulari Ubat KKM (FUKKM) dimaklumkan kepada pemohon dalam masa 3 hari bekerja dari tarikh Mesyuarat Panel FUKKM dijalankan.	
Definisi Terma	FUKKM: Rujukan utama bagi senarai ubat-ubatan yang digunakan di fasiliti dan institusi kesihatan KKM. Mesyuarat Panel FUKKM: Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Ketua Pengarah Kesihatan dan bersidang tiga kali setahun bagi membincangkan permohonan penyenaraian ubat dan pindaan maklumat dalam FUKKM. Pemakluman: Makluman keputusan kepada pemohon diberikan secara e-mel. Penyenaraian ubat: Cadangan penyenaraian ubat/indikasi dan pindaan maklumat ubat dalam FUKKM yang dikemukakan oleh pemohon melalui <i>dossier</i> dan dibentangkan dalam mesyuarat Panel FUKKM. Pemohon: Syarikat farmaseutikal dan fasiliti kesihatan KKM.	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan keputusan penyenaraian ubat yang dibentangkan dalam Mesyuarat Panel FUKKM dimaklumkan kepada pemohon dalam masa 3 hari bekerja dari tarikh mesyuarat	
Denominator	Bilangan permohonan penyenaraian ubat yang dibentangkan dalam mesyuarat	
Kriteria Inklusi	Semua cadangan penyenaraian ubat yang dibentangkan dalam mesyuarat Panel FUKKM	
Kriteria Eksklusi	Tiada	
Pelan Tindakan	1. Memberi notifikasi keputusan permohonan penyenaraian ubat ke dalam FUKKM kepada pemohon melalui e-mel tanpa mengambil kira permohonan yang memerlukan tindakan susulan.	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Senarai FUKKM 4. Minit mesyuarat 5. Pekeliling/pindaan FUKKM	

	6. Garis Panduan <i>Submission of Dossier for listing into the Ministry of Health Medicine Formulary</i> (MOHMF)
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Sekretariat Formulari, Cawangan Pengurusan Formulari
Kekerapan Penilaian	Tiga kali setahun selepas Mesyuarat Panel FUKKM dijalankan
Kaedah Penilaian	Daftar <i>Dossier</i>

Piagam Pelanggan - Bahagian Penguatkuasaan Farmasi		1
Indikator	Pengeluaran Kebenaran Import/Eksport Dadah Berbahaya dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima	
Definisi Terma	Kebenaran Import / Eksport: Kebenaran Import adalah kebenaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 20, Akta Dadah Berbahaya 1952 Kebenaran Eksport adalah kebenaran yang dikeluarkan di bawah seksyen 19, Akta Dadah Berbahaya 1952 Dadah berbahaya: Dadah Berbahaya adalah sebarang dadah ataupun bahan yang terkandung dalam Jadual Pertama, Akta Dadah Berbahaya 1952 Permohonan lengkap: Permohonan lengkap adalah permohonan yang diterima, diisi dengan lengkap dan jelas bersama dokumen sokongan seperti yang disenaraikan di dalam Panduan Permohonan Kebenaran Import/Eksport Bahan Psikotropik dan Dadah Berbahaya	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan kebenaran import/eksport dadah berbahaya yang dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima	
Denominator	Jumlah kebenaran import/eksport dadah berbahaya yang dikeluarkan	
Kriteria Inklusi	Semua permohonan Kebenaran Import /Eksport yang diluluskan	
Kriteria Eksklusi	Semua permohonan yang tidak lengkap	
Pelan Tindakan	1. Senarai semak pada borang permohonan (K-FR-01/2) 2. Senarai semak yang digunakan oleh pegawai 3. Perancangan cuti anggota / pergerakan anggota 4. Kenal pasti pegawai tanggung tugas Pegawai Pelesenan	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Pencetak <i>dot matrix</i>	
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Substans Terkawal, Cawangan Pelesenan	

Kekerapan Penilaian	Setiap bulan
Kaedah Penilaian	1. Daftar permohonan Kebenaran Import/Eksport Dadah Berbahaya (<i>Excel</i>) 2. Pelaporan bulanan

Piagam Pelanggan - Bahagian Penguatkuasaan Farmasi		2
Indikator	Pengeluaran Kebenaran Import/Eksport Bahan Psikotropik dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima	
Definisi Terma	Kebenaran Import/Eksport: Kebenaran Import adalah kebenaran yang dikeluarkan di bawah Peraturan 5, Peraturan-Peraturan Racun (Bahan-Bahan Psikotropik) 1989 Kebenaran Eksport adalah kebenaran yang dikeluarkan di bawah Peraturan 6, Peraturan-Peraturan Racun (Bahan-Bahan Psikotropik) 1989 Bahan Psikotropik: Bahan Psikotropik adalah bahan yang disenaraikan di bawah Jadual Ketiga, Akta Racun 1952 Permohonan lengkap: Permohonan lengkap adalah permohonan yang diterima, diisi dengan lengkap dan jelas bersama dokumen sokongan seperti yang disenaraikan di dalam Panduan Permohonan Kebenaran Import/Eksport Bahan Psikotropik dan Dadah Berbahaya	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan kebenaran import/eksport bahan psikotropik yang dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima	
Denominator	Jumlah kebenaran import/eksport bahan psikotropik yang dikeluarkan	
Kriteria Inklusi	Semua permohonan Kebenaran Import /Eksport yang diluluskan	
Kriteria Eksklusi	Semua permohonan yang tidak lengkap	
Pelan Tindakan	1. Senarai semak pada borang permohonan (K-FR-02/2) 2. Senarai semak yang digunakan oleh pegawai 3. Perancangan cuti anggota / pergerakan anggota 4. Kenal pasti pegawai tanggung tugas Pegawai Pelesenan	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Pencetak <i>dot matrix</i>	

Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Substans Terkawal, Cawangan Pelesenan
Kekerapan Penilaian	Setiap bulan
Kaedah Penilaian	1. Daftar permohonan Kebenaran Import/Eksport Bahan Psikotropik (<i>Excel</i>) 2. Pelaporan bulanan

Piagam Pelanggan - Bahagian Penguatkuasaan Farmasi		3
Indikator	Kelulusan ePermit (Eksport) Bahan Kimia Prekursor dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima	
Definisi Terma	ePermit (Eksport): Permit eksport dikeluarkan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenai Eksport) yang dibuat di bawah Akta Kastam 1967 bagi bahan kimia prekursor. Bahan Kimia Prekursor: Bahan kimia prekursor yang disenaraikan di bawah Jadual I dan II, <i>United Nations Convention against Illicit Traffic in Narcotic Drugs and Psychotropic Substances</i> 1988 Permohonan lengkap: Permohonan yang diterima secara dalam talian, yang diisi dengan lengkap dan jelas bersama dokumen sokongan seperti yang disenaraikan dalam Panduan Umum Permohonan ePermit Import Dan Eksport Yang Dikeluarkan Oleh BPF, KKM	
Sasaran	100%	
Kaedah Pengukuran		
Numerator	Bilangan kelulusan e-Permit (Eksport) Bahan Kimia Prekursor yang dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima	
Denominator	Jumlah kelulusan e-Permit (Eksport) Bahan Kimia Prekursor yang dikeluarkan	
Kriteria Inklusi	Semua permohonan e-Permit (Eksport) yang diluluskan	
Kriteria Eksklusi	1. Permohonan e-Permit (Eksport) yang tidak diluluskan kerana <i>Pre-export notification</i> (PEN) yang dihantar kepada Pihak Berwibawa negara pengimport telah ditolak. 2. Semua permohonan yang tidak lengkap	
Pelan Tindakan	1. Senarai semak yang digunakan oleh pegawai 2. Perancangan cuti anggota / pergerakan anggota 3. Kenal pasti pegawai tanggung tugas Pegawai Pelesenan	
Sumber Yang Diperlukan	1. Kakitangan 2. Komputer 3. Internet 4. Sistem ePermit (diselenggara oleh Dagangnet)	
Seksyen/Cawangan Yang Menjaga	Seksyen Substans Terkawal, Cawangan Pelesenan	

Kekerapan Penilaian	Setiap bulan
Kaedah Penilaian	1. Daftar permohonan ePermit (Eksport) (<i>Excel</i>) 2. Pelaporan bulanan

Piagam Pelanggan - Bahagian Penguatkuasaan Farmasi		4
Indikator	Kelulusan ePermit (Import) Bahan Terkawal dan Mesin Membuat Ubat dalam tempoh 3 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima	
